

HLB@SCHOOL

classroom
adventures...
EXPLORE • ENGAGE • EMPOWER

APRIL 2024
EDISI 2



APAKAH ITU AKAUN BANK?


Akaun bank adalah seperti sebuah tempat khas untuk menyimpan wang, cuma penyimpanan tidak dilakukan di rumah, sebaliknya wang anda disimpan dengan selamat di bank. Melalui kaedah ini, anda tidak perlu risau tentang kehilangan wang atau berlaku kecurian ke atas wang anda. Selain itu, apabila anda menyimpan wang di dalam akaun bank, anda boleh menjana wang tambahan yang dikenali sebagai faedah.



MENGAPA SAYA PERLU MENGGUNAKAN AKAUN BANK?

Anda boleh menguruskan kewangan dengan lebih bijak dan berhemah melalui akaun bank. Ianya selamat dan dapat membantu anda menyimpan untuk barang impian anda. Daripada membawa wang tunai, anda boleh menggunakan kad debit untuk membeli apa-apa sahaja secara langsung dari akaun bank anda, macam kad magik!

Bayangkan anda menyimpan wang untuk membeli permainan video baharu atau alat mainan istimewa. Dengan menyimpan wang anda di dalam akaun bank, anda bukan sahaja menyimpan dengan selamat, tetapi anda mungkin akan mendapat wang tambahan daripada bank, yang boleh membantu anda mencapai impian anda dengan lebih cepat!



JENIS-JENIS AKAUN BANK:

AKAUN SIMPANAN

Akaun ini membantu anda mengembangkan simpanan dari semasa ke semasa, menjadikannya pilihan yang baik untuk impian masa hadapan seperti membeli basikal baharu atau simpanan untuk percutian yang menyeronokkan. Anda boleh menyimpan wang saku atau wang hadiah hari jadi dan lihat jumlah simpanan anda meningkat secara perlahan-lahan.

AKAUN SEMASA


Akaun ini memberikan akses kepada anda untuk kegunaan harian, seperti membeli makanan ringan, kelengkapan sekolah atau perbelanjaan kecil-kecilan. Anda boleh menganggap akaun ini sebagai akaun perbelanjaan harian anda.

AKAUN SIMPANAN TETAP

Akaun ini membantu anda untuk mencapai sesuatu impian yang spesifik. Anda boleh menyimpan sejumlah wang di dalam akaun ini pada satu kadar masa yang tetap dan lihat jumlah simpanan anda meningkat dengan faedah. Setelah tempoh menunggu tamat, anda boleh mengeluarkan simpanan anda bersama faedah yang diperolehi. Akaun ini pilihan terbaik untuk simpanan tempoh masa panjang, seperti percutian istimewa atau perbelanjaan yang besar.

ADAKAH AKAUN BANK SELAMAT?

Akaun bank adalah selamat kerana bank-bank dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan seperti kata laluan, sistem penyulitan data dan bangunan yang selamat untuk melindungi wang anda. Di Malaysia, simpanan anda dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sekiranya berlaku apa-apa terhadap bank, PIDM memastikan keselamatan wang anda terjamin sehingga RM250,000. Jadi, anda boleh berasa lega kerana wang anda selamat.



AKAUN SIMPANAN JUNIOR 3 DALAM 1 HLB: GERBANG PEMBELAJARAN KEWANGAN ANDA!

Akaun Simpanan Junior 3 dalam 1 HLB yang direka khas untuk menjadikan perbankan mudah, menyeronokkan dan berunsurkan pembelajaran untuk kanak-kanak seperti anda! Akaun ini menggabungkan akaun simpanan, akaun simpanan tetap dan kad debit, yang memberi anda pengalaman perbankan yang menyeluruh.

Fungsi Utama:

1

Akaun Simpanan: Akaun Junior 3 dalam 1 membenarkan anda untuk menyimpan dan mengeluarkan wang dengan mudah, untuk menerapkan budaya menyimpan dari peringkat umur yang muda.

2

Akaun Simpanan Tetap: Fungsi ini membenarkan anda untuk menjana pulangan faedah yang lebih tinggi berbanding akaun simpanan biasa, membolehkan anda untuk menambah simpanan dengan lebih cepat.

3

Kad debit: Akaun Junior 3 dalam 1 didatangkan dengan kad debit isian semula yang menyediakan kaedah yang mudah dan selamat dalam menguruskan kewangan dan membuat pembelian.

Dengan Akaun Simpanan Junior 3 dalam 1 HLB, anda boleh belajar untuk menyimpan, mengurus dan menjana wang dengan bijak. Ini merupakan satu permulaan yang baik untuk menjadi kanak-kanak yang pintar dalam kewangan! Memahami cara-cara pengurusan kewangan merupakan satu kemahiran penting yang akan membantu anda dalam kehidupan, dan membuka akaun bank adalah satu langkah pertama yang bijak!